

***Tanda Putera*, Filem Pertama Mengenai Tun Razak Dan Perjuangannya Bersama Tun Dr Ismail
Bernama
Ogos 09, 2011**

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Filem '*Tanda Putera*, bukan sekadar memaparkan perjuangan Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein, memulihkan keadaan negara selepas peristiwa 13 Mei 1969 ketika keadaan kesihatan beliau tidak memuaskan.

Ia juga mengisahkan persahabatan akrab Tun Razak dengan timbalannya, Tun Dr Ismail Abdul Rahman, yang juga terpaksa merahsiakan masalah kesihatan, dan bagaimana mereka berganding bahu membangunkan negara.

Tun Razak meninggal dunia pada 14 Jan 1976 di London, United Kingdom semasa menjalani rawatan penyakit leukemia, sementara Dr Ismail, meninggal dunia pada 2 Ogos 1973 di pejabatnya kerana serangan jantung.

Pengarah filem itu, Datin Paduka Shuhaimi Baba, yang juga pengarah urusan Pesona Pictures Sdn Bhd berkata filem kenegaraan tersebut diharap dapat menyedarkan masyarakat mengenai perjuangan kedua-dua negarawan dalam memastikan Malaysia terus membangun dan stabil, walaupun berdepan pelbagai cabaran termasuk ancaman komunis.

Filem yang menelan belanja RM4 juta dan merupakan projek usaha sama dengan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas), kini sudah 95 peratus siap dan dijangka ditayangkan kepada umum tahun depan, katanya kepada pemberita.

Shuhaimi berkata demikian selepas menghadiri majlis doa selamat dan berbuka puasa sempena penggambaran filem itu, yang hampir tamat, di Finas.

Katanya, peringkat terakhir penggambaran filem itu akan dilakukan di London September ini dan tiket penerbangan krew filem ditaja Malaysia Airlines (MAS).

Pelakon Rusdi Ramli diberi tanggungjawab memegang watak Abdul Razak dan Zizan Nin membawa watak Dr Ismail, manakala Faedah Elai memainkan watak isteri Abdul Razak, Tun Rahah Tan Sri Mohamad Noah.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=607121>